



**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 2 TAHUN 2014**

Semua Pegawai Pengawal,
Negeri Selangor Darul Ehsan.

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN
PERBELANJAAN DAN HASIL TAHUN 2015**

TUJUAN

1. Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memberi garis panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus, pembangunan dan anggaran hasil untuk tahun 2015 bagi Jabatan-jabatan di Negeri Selangor.

EKONOMI NEGERI SELANGOR

2. Ekonomi global dijangka berkembang dan meraih momentum dalam keseluruhan tahun 2014. Ia disokong oleh pengukuhan ekonomi berterusan di kalangan negara-negara maju. Begitu juga tanda-tanda lebih jelas pemulihan ekonomi di Kesatuan Eropah dijangka akan banyak membantu memperteguh pertumbuhan

ekonomi negara. Tahun 2014, prospek ekonomi negara diunjur lebih kukuh pada kadar 5.0 % hingga 5.5% disokong oleh kecergasan aktiviti ekonomi domestik serta persekitaran ekonomi dan perdagangan dunia yang semakin baik.

3. Prestasi ekonomi Negeri Selangor berkembang lebih perlahan pada kadar 6.2% pada tahun 2013, berbanding 7.1% pada tahun 2012. Momentum ekonomi negeri Selangor dijangka tidak banyak berubah pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 dengan unjuran pertumbuhan KDNK pada kadar 6.1%. Kadar unjuran yang perlahan adalah disebabkan oleh kelesuan beberapa petunjuk makro utama dan prestasi sederhana bagi statistik beberapa sektor ekonomi di sepanjang tiga suku tahun yang pertama pada 2013.
4. Bagi meningkatkan KDNK yang diunjurkan untuk tahun 2014, Kerajaan Negeri akan mengamalkan disiplin fiskal yang tegas dalam pengurusan kewangan dengan memastikan perancangan dan perbelanjaan dibuat secara berhemat dan berintegriti serta menerapkan nilai untuk wang (*value for money*).

DASAR-DASAR UTAMA KERAJAAN NEGERI

5. Dalam merangka Anggaran Perbelanjaan Tahun 2015, dasar dan inisiatif yang digariskan oleh Kerajaan Negeri perlu diambil kira. Antara dasar dan inisiatif utama yang mesti diberi keutamaan adalah dengan mengambil kira keperluan holistik pembangunan fizikal dan manusia, pengukuhan prinsip serta kecekapan, ketelusan dan kebertanggungjawaban pengurusan dan keseimbangan bagi membolehkan hasil optimum dapat dicapai.

6. Pegawai Pengawal perlu menyediakan anggaran perbelanjaan secara teliti dengan merancang strategi pelaksanaan aktiviti Jabatan dan memberi perhatian yang lebih terhadap urusan perolehan kerajaan. Faktor keberhasilan (*outcome*) dan impak serta elemen pengukuran prestasi hendaklah ditekankan.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

7. Kerajaan Negeri masih mengekalkan belanjawan secara berimbang. Bagi mencapai matlamat tersebut, Pegawai Pengawal hendaklah memberikan perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan:
 - 7.1 perbelanjaan yang dirangka perlu mengikut keutamaan berdasarkan *outcome* dan impak secara cekap dan berkesan;
 - 7.2 program dan aktiviti hendaklah disemak dan dinilai, diubahsuai dan disusun mengikut keutamaan semasa dengan memastikan tidak berlakunya pertindihan fungsi;
 - 7.3 memastikan semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi;
 - 7.4 anggaran peruntukan bagi emolumen disediakan secukupnya termasuk pegawai kontrak/ sementara yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000;
 - 7.5 penyenggaraan aset Kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan perlu diberi keutamaan;
 - 7.6 pembelian aset baru perlu dibuat penilaian bagi mengelakkan pembaziran; dan

7.7 garis panduan yang dikeluarkan dan masih berkuat kuasa berhubung perbelanjaan secara berhemat perlu dipatuhi.

8. Sebagaimana tahun 2014, jumlah bagi cadangan batas perbelanjaan (*expenditure target*) yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Negeri merangkumi Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan *One-Off*. Jumlah cadangan batas perbelanjaan akan dimaklumkan kepada Jabatan. Formula pengiraan batas perbelanjaan adalah seperti berikut:

Batas Perbelanjaan 2015

= 3% Emolumen 2014 + Dasar Sedia Ada 2014 + (Dasar Baru 2014 – Dasar Baru yang tidak dibelanjakan 2013).

9. Nilai *threshold* dikenakan untuk semua termasuk cadangan Dasar Baru atau *One-Off*. *Threshold* adalah satu nilai yang ditetapkan oleh Perbendaharaan bagi sesuatu Jabatan/ Agensi yang mana nilai tersebut diguna sebagai ukuran untuk menentukan jumlah peruntukan tambahan yang wajar diluluskan bagi Dasar Baru/ *One-Off*.
10. Pegawai Pengawal perlu mengemukakan cadangan Dasar Baru (termasuk perluasan kepada Dasar Sedia Ada) dan *One-Off* kepada Perbendaharaan Negeri melalui format ABM 4, ABM 5 dan ABM 6 seperti di Lampiran. Permohonan Dasar Baru dan *One-Off* yang dikemukakan perlu mempunyai justifikasi yang lengkap dan sejajar dengan perancangan strategi jabatan serta memberikan impak yang signifikan terhadap *outcome* yang diyakini dapat mengurangkan masalah dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan. Cadangan Dasar Baru yang dipohon perlu disertakan bersama kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau keputusan mesyuarat Jabatan.

11. Sekiranya terdapat penjimatan kos hasil daripada pemansuhan, pengecilan skop Dasar Sedia Ada atau perubahan proses, cadangan penjimatan Batas Dasar Sedia Ada hendaklah dikemukakan.

**PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN**

12. Memandangkan tahun 2015 merupakan tahun terakhir dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) bagi projek-projek yang telah bermula pada tahun 2011, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan projek-projek tersebut dapat disiapkan mengikut jadual pelaksanaan dan peruntukan yang disediakan digunakan dengan sepenuhnya.
13. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan dipohon telah mengambil kira keupayaan melaksana oleh semua pihak berkenaan dengan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut.
14. Peruntukan untuk projek-projek baru hanya akan dipertimbangkan sekiranya perkara-perkara berikut telah diambil kira:
- 14.1 perancangan untuk projek tersebut telah siap dan sedia untuk dilaksanakan;
 - 14.2 pengambilan balik tanah telah selesai; dan
 - 14.3 jabatan bukan teknikal hendaklah merujuk kepada Jabatan Teknikal bagi tujuan pelaksanaan dan jadual perancangan kerja.

15. Penyediaan cadangan perbelanjaan pembangunan hendaklah mengikut format ABP 1 dan ABP 2 seperti di Lampiran. Cadangan yang dikemukakan hendaklah disokong dengan justifikasi yang jelas, realistik dan mengambil kira kemampuan pelaksanaan untuk memastikan peruntukan yang disediakan mencukupi.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL

16. Penyediaan cadangan anggaran hasil bagi tahun 2015 hendaklah disediakan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
- 16.1 meneliti rekod prestasi kutipan hasil tiga tahun ke belakang;
 - 16.2 mengambil kira perubahan dasar, peraturan dan kadar; dan
 - 16.3 kemampuan kutipan tunggakan hasil.
17. Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci dengan memberikan asas-asas yang tepat dengan kadar, jumlah dan sebagainya untuk menentukan jumlah hasil yang sepatutnya dipungut bagi tahun 2015.
18. Pegawai Pengawal/ Pemungut hendaklah menyatakan keupayaan untuk memungut setiap jenis hasil bagi tahun semasa dan 2015 serta keupayaan memungut tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:
- 18.1 jumlah hasil sebenar tahun 2013;
 - 18.2 anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2014; dan
 - 18.3 anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2015.

PENYAMPAIAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN DAN HASIL

19. Tatacara menyediakan cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus, cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Anggaran Hasil Tahun 2015 adalah seperti di **Lampiran A**, **Lampiran B** dan **Lampiran C**.
20. Cadangan anggaran perbelanjaan dan anggaran hasil perlu dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri Selangor **tidak lewat pada 20 April 2014**.
21. Cadangan anggaran tersebut hendaklah disediakan sebanyak **dua naskah** dalam bentuk *hard copy* yang di tandatangani oleh Pegawai Pengawal dan satu dalam bentuk cakera padat (*soft copy*). Manakala, **satu naskah** bagi cadangan anggaran pembangunan hendaklah dihantar ke Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Agihan dan Pembangunan.

PEMERIKSAAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2015

22. Pemeriksaan cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2015 akan dilaksanakan bermula **Mei 2014**. Jadual pemeriksaan mengikut jabatan-jabatan akan dimaklumkan melalui surat rasmi dan Pegawai Pengawal adalah dipohon untuk turut hadir dalam pemeriksaan tersebut.

LAPORAN PENGECEUALIAN TAHUNAN

23. Satu laporan pengecualian yang mengenal pasti sejauh mana pencapaian mana-mana petunjuk seperti yang terdapat dalam

Perjanjian Program sekiranya terkeluar dari varian yang dipersetujui, hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua bulan dari tarikh tamat sesuatu tahun kewangan. Laporan ini hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal.

PENUTUP

24. Dalam penyediaan cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2015, Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat lanjut atau panduan boleh menghubungi Bahagian Belanjawan (penyediaan cadangan anggaran belanja mengurus) di talian 5544 7106/ 7206, Bahagian Pengurusan Hasil (penyediaan cadangan anggaran hasil) di talian 5544 7595 /2334 dan Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN (penyediaan cadangan anggaran belanja pembangunan) di talian 5544 7978.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN) D.P.M.S., S.I.S.

Pegawai Kewangan Negeri

Selangor Darul Ehsan

Tarikh : 11 Mac 2014

Salinan kepada:

- i. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Semua Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
- iv. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)